

## **Isu royalti minyak diatasi sebelum PRU-13**

### **Utusan Online**

**3 Ogos, 2012**

**Oleh AZRAN FITRI RAHIM**

KOTA BHARU 2 Ogos - UMNO Kelantan mempunyai cara tersendiri bagi menyelesaikan isu tuntutan royalti minyak yang digunakan oleh Pas sebagai modal politik untuk membangkitkan sentimen rakyat supaya menolak parti itu pada pilihan raya akan datang.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, pihaknya akan menyelesaikan isu tersebut dengan cara yang berhemah mengikut lunas-lunas perundangan dan Perlembagaan negara.

Justeru, kata beliau, semua isu termasuk royalti minyak akan diselesaikan secepat mungkin sebelum Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) nanti.

"Semua isu yang timbul kita perlu selesaikan, malah sejak dari dahulu kita sentiasa proaktif dalam menyelesaikan masalah yang berbangkit, sebagai contoh harga barang naik, untuk menyelesaikan isu ini kita (Kerajaan Pusat) tubuh Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M).

"Semua ini tidak jadi masalah, kita akan selesaikan dengan cara yang berhemah tidak seperti Pas di Kelantan berlagak sebagai pembangkang biarpun mereka kerajaan, apa saja tindakan yang kita ambil adalah berdasarkan undang-undang," katanya kepada pemberita selepas Majlis Makan Colek Bersama Media di sini malam tadi.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas gesaan Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah supaya isu royalti minyak diselesaikan sebelum PRU-13 sekiranya UMNO berhasrat untuk menawan Kelantan.

Mustapa yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, pihaknya tetap dengan sasaran untuk menguasai 23 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan bagi membentuk kerajaan dengan majoriti mudah.

Katanya, sasaran tersebut amat realistik berdasarkan perkembangan semasa biarpun Pas Kelantan menyuarakan keyakinan untuk memenangi PRU-13 dengan majoriti mudah.

"Saya masih pertahankan 23 kerusi, kalau nak dapat majoriti dua per tiga adalah sukar, walaupun ada sasaran ia bukan satu pilihan raya yang senang, pilihan raya kali ini cukup mencabar.

"Kita kena bekerja bersungguh-sungguh. Saya lihat jentera kita amat bersemangat bekerja kerana mereka mahu melihat perubahan di Kelantan," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20120803/po\\_06/Isu-royalti-minyak--diatasi-sebelum-PRU-13](http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20120803/po_06/Isu-royalti-minyak--diatasi-sebelum-PRU-13)